Krishnan a/l Sinniah lwn Ketua Pegarah Imigresen Malaysia dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (ALOR STAR) — GUAMAN SIVIL NO 22–14 TAHUN 1996
WAN ADNAN MUHAMAD H
16 DISEMBER 2004

Undang-Undang Pentadbiran — Hak-hak dan liabiliti-liabiliti pegawai awam — Pemecatan kerja pegawai awam — Sama ada hak plaintif untuk hidup ditolak — Perlembagaan Persekutuan per 5(1)

Undang-Undang Pentadbiran — Hak-hak dan liabiliti-liabiliti pegawai awam — Pemecatan kerja pegawai awam — Hak untuk didengar — Sama ada perlu untuk membekalkan laporan atau kenyataan saksi-saksi kepada pegawai awam sebelum tindakan diambil ke atasnya

Undang-Undang Pentadbiran — Pekerja pegawai awam — Sama ada wajar untuk mahkamah mencampuri bidang tugas pihak lembaga tatatertib dan mengkaji semula kewajaran hukuman berbanding kesalahan

Undang-Undang Pentadbiran — Pemecatan kerja pegawai awam — Sama ada perkataan-perkataan di dalam surat lembaga tatatertib harus ikut secara verbatim peruntukan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

Plaintif ialah seorang pegawai imigresen Gred KP8 yang bertugas di Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam pada masa material. Beliau telah diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('PPPA 1993') dan dibuang kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib berkuat kuasa mulai 5 Januari 1995 dan diberi peluang untuk merayu kepada Lembaga Tatatertib melalui Ketua Jabatan Plaintif dalam tempoh 14 hari. Rayuan tersebut telah ditolak dan plaintif diberitahu mengenai penolakan rayuannya melalui satu surat bertarikh 28 Januari 1995. Selanjutnya, plaintif telah mengambil tindakan ini untuk mencabar keputusan tersebut dengan memohon untuk suatu deklarasi bahawa pemecatan beliau berlawanan dengan keadilan semula jadi Perlembagaan Persekutuan dan keputusan pemecatan itu tidak sah *ab initio*. Beliau juga meminta dikembalikan ke jawatannya di Jabatan Imigresen. Antara alasan yang dikemukakan oleh plaintif untuk menyokong tindakannya adalah: (1) kegagalan defendan untuk mematuhi sepenuhnya per 16, 26, 28 dan 38 PPPA 1993 dalam surat bertarikh 12 Oktober 1994 yang tidak menggunakan perkataan 'menimbangkan', tidak menggunakan keseluruhan perkataan-perkataan dalam per 28 dengan tepat, gagal menimbangkan jenis kesalahan tersebut adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat, tidak menggunakan perkataan 'seriusnya kesalahan itu' dan tidak menggunakan perkataan 'hendaklah memutuskan semata-mata atas merit alasan rayuan'; (2)laporan yang diterima oleh Lembaga Tatatertib tidak dibekalkan atau diberitahu

isinya kepada plaintif; (3) surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam adalah berlawanan dengan Akta Imigresen 1959/63; dan (4) hukuman tidak setimpal dengan kesalahan dan niat pihak Lembaga Tatatertib adalah memang untuk membuang kerja semata-mata.

Diputuskan, tuntutan plaintif ditolak dengan kos:

(1) Pemecatan plaintif telah dibuat mengikut undang-undang. Adalah tidak tepat untuk mengatakan hak plaintif untuk hidup telah ditolak oleh defendan berikutan pemecatan ini. Ini adalah kerana ia dibuat mengikut undang-undang, Mahkamah tidak bersetuju dengan penghujahan pihak plaintif bahawa setiap orang termasuk plaintif diberi perlindungan sebegini oleh undang-undang seperti disebut di bawah per 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk hidup (per 5(1) Perlembagaan Persekutuan) kini diberikan pengertian yang lebih spesifik kepada hak-hak asasi seperti yang diperuntukkan di bawah perkara-perkara tertentu sahaja seperti yang dinyatakan dalam bahagian II Perlembagaan Persekutuan (lihat perenggan 11 dan 12).

(2) Surat bertarikh 12 Oktober 1994 jelas menunjukkan maksud bahawa suatu pertimbangan telah dibuat oleh defendan untuk mengenakan hukuman buang kerja dan turun pangkat. Pada perenggan 1 surat tersebut menyebut bahawa '... dengan laporan yang diterima ... telah membuat keputusan ...' . Di sini adalah jelas bahawa sesuatu keputusan hanya akan dicapai setelah pertimbangan dibuat ke atas laporan yang diterima (lihat perenggan 15).

(3) Tidak dinyatakan keperluan untuk membekalkan laporan atau kenyataan saksi-saksi kepada pegawai awam sebelum tindakan diambil ke atas beliau untuk membolehkan beliau menangkis keterangan dalam laporan. Memandangkan Perintah-Perintah Am mempunyai kesan legislatif, mahkamah tidak boleh memandai menambah peruntukan yang tidak ada di dalamnya (lihat perenggan 17).

(4) Surat tunjuk sebab telah dikeluarkan kepada plaintif dalam kes ini. Didalam surat tersebut dinyatakan sekali bentuk hukuman yang akan dikenakan. Pertuduhan dan fakta telah dinyatakan dengan jelas dalam surat tersebut. Jelas sekali dari representasi yang dibuat, plaintif berpeluang menjawab tuduhan yang dikenakan kepada beliau. Mahkamah berpuas hati bahawa per 28 PPPA telah dipatuhi (lihat perenggan 19).

(5) Berdasarkan rekod yang ada nyata kesalahan yang dilakukan oleh plaintif amat serius. Berhubung dengan kewajaran hukuman berbanding kesalahan yang dilakukan, mahkamah bersandar kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 MLJ 153 dan memutuskan tidak wajar bagi mahkamah mencampuri bidang tugas pihak Lembaga Tatatertib (lihat perenggan 21 dan 23).

(6) Pemecatan kerja plaintif adalah sah dan menepati kehendak undang-undang, Defendan telah mematuhi prinsip keadilan semula jadi dalam proses pemecatan plaintif dan keputusan defendan adalah adil, saksama dan tidak berat sebelah (lihat perenggan 24).

[**English summary**

The plaintiff was an immigration officer Grade KP8 employed at the Bukit Kayu Hitam Immigration Post at the material time. A disciplinary action was taken against him under the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 ('the regulations') and he was dismissed by the disciplinary authority effective from 5 January 1995 and was given an opportunity to appeal within 14 days to the disciplinary board via the plaintiff's head of department. The appeal was dismissed and the plaintiff was informed of the dismissal of his appeal by a letter dated 28 January 1995. Thereon, the plaintiff initiated this action against the decision by applying for a declaration that his dismissal was contrary to the principles of natural justice in the Federal Constitution and that the decision for dismissal was void *ab initio*. He also asked to be reinstated in the Immigration Department. Among the reasons raised by the plaintiff to support his actions were: (1) the defendant's failure to fully comply with general orders 16, 26, 28 and 38 of the regulations as in the letter dated 12 October 1994 in not using the word 'menimbangkan', not using the whole phrase in general order 28 precisely, failed to consider the type of offence which is one where the punishment imposed should be dismissal or reduction of rank, not using the words 'seriusnya kesalahan itu' and did not use the words 'hendaklah memutuskan semata-mata atas merit alasan rayuan'; (2) the report issued by the disciplinary board was not given or its content explained to the plaintiff; (3) the circular issued by the Head of the Bukit Kayu Hitam Immigration Post was contrary to the Immigration Act 1959/63; and (4) the punishment imposed was not suitable with the offence committed and the intention of the Disciplinary Board was to intentionally dismiss.

Held, dismissing the plaintiff's claim with cost:

(1) The plaintiff's dismissal was made according to the law. It was incorrect to state that the plaintiff's right to livelihood was denied by the defendant following the dismissal. This is because it was made according to the law. The court disagreed with the plaintiff's submission that everyone including the plaintiff be given protection as such by law as stated under art 5(1) of the Federal Constitution. The right to livelihood (art 5(1) of the Federal Constitution) now has been given a more specific meaning with regards to natural rights as provided under certain articles only as stated in Part II of the Federal Constitution (see paras 11 and 12).

(2) The letter dated 12 October 1994 clearly showed the meaning that a consideration had been made by the defendant to impose a dismissal and demotion of rank as punishment. Paragraph 1 of the letter stated that '... dengan laporan yang diterima ... telah membuat keputusan ...' . Here it is clear that a decision can only be arrived at after consideration has been made based on the report received (see para 15).

(3) There was no requirement to produce a report or statement of witnesses to the public officer before action can be taken against him to enable him to deny the evidence in the report. Since the general orders have legislative effect, the court cannot simply add a provision that does not exist therein (see para 17).

(4) The show cause letter had been issued to the plaintiff in this case. In the letter, it included the type of punishment to be imposed. The charge and facts had been stated clearly in the letter. It is obvious from the representation made, the plaintiff was given the opportunity to answer the charge imposed upon him. The court was satisfied that general order 28 of the regulations had been complied (see para 19).

(5) Based on the record available, it was clear that the misconduct committed by the plaintiff was very serious. Regarding the reasonableness of punishment according to the offence committed, the court relied on the Federal Court's decision in the case of *Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 MLJ 153 and held that it was not wise for the court to interfere with the function of the disciplinary board (see paras 21 and 23).

(6) The plaintiff's dismissal was valid and complied with the requirement of the law. The defendant had complied with the principle of natural justice in the process of dismissing the plaintiff and the defendant's decision was fair and not bias (see para 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja pegawai-pegawai awam, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan-perenggan 519–543.

Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja dalam prosiding tatatertib, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1999 Reissue) perenggan-perenggan 1095–1119.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahman bin Isa v Public Service Commission, Malaysia [1991] 2 MLJ 240 (diikut)

B Surinder Singh Kanda v The Government of The Federation of Malaya [1962] MLJ 169 (dirujuk)

Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi A/L K Perumal [2001] 2 MLJ 417 (dirujuk)

Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors [1998] 1 MLJ 153 (dirujuk) **A**
Othman bin Hamzah v Disciplinary Board, JPJ Malaysia & Ors [2003] MLJU 52 (diikuti)
Petroliam Nasional Bhd v Nik Ramli Nik Hassan [2004] 2 MLJ 288 (dirujuk)
Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan [2002] 3 MLJ 72 (diikuti)
Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 1 MLJ 261 (dirujuk) **B**

Undang-undang yang dirujuk

Perlembagaan Persekutuan bahagian II, per 5(1), 135(2)
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 per 4(2)(i), 16, 26, 38 **C**

Anthony Samy (Aziz, Anthony & Co) bagi pihak plaintif.
Aliza Jamaluddin (Peguam Persekutuan) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan-defendan. **D**

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Pada 23 Jun 2004 saya telah menolak tuntutan plaintif terhadap kedua-dua defendan dengan kos. Tindakan yang diambil oleh plaintif dalam kes ini adalah untuk suatu deklarasi bahawa penamatan kerjanya adalah tidak sah, melanggar prinsip undang-undang keadilan semula jadi serta Perlembagaan Persekutuan dan keputusan tersebut dicemari unsur berat sebelah. **E**

[2] Di dalam kes ini kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa tiada saksi akan dipanggil dan mereka akan berhujah berdasarkan fakta dan undang-undang melalui penghujahan bertulis. Adalah juga dipersetujui bahawa kedua-dua Ikatan Yang Tidak Dipersetujui menjadi Ikatan Yang Dipersetujui. (Sila lihat nota prosiding.) **F**

[3] Plaintif ialah seorang pegawai imigresen Gred KP8 yang bertugas di Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam pada masa material. Beliau telah diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (selepas ini dirujuk sebagai 'PPPA 1993') dan dibuang kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib berkuat kuasa mulai 5 Januari 1995 dan diberi peluang untuk merayu kepada Lembaga Tatatertib melalui Ketua Jabatan plaintif dalam tempoh 14 hari. Rayuan tersebut telah ditolak dan plaintif diberitahu mengenai penolakan rayuannya melalui satu surat bertarikh 28 Januari 1995. **G** **H**

[4] Selanjutnya, plaintif telah mengambil tindakan ini untuk mencabar keputusan tersebut. Plaintif memberikan butir-butir pemecatan yang didakwa secara salah di perenggan 6 L1 dan butir-butir keingkaran prinsip keadilan semula jadi di perenggan 7 L1. Plaintif juga mendakwa ada unsur berat sebelah **I**

oleh Lembaga Tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 8 L1. Plaintif memohon suatu deklarasi bahawa pemecatan beliau berlawanan dengan 'natural justice', Perlembagaan Persekutuan dan keputusan pemecatan itu tidak sah *ab initio*. Beliau juga meminta dikembalikan ke jawatannya di Jabatan Imigresen.

[5] Plaintif membangkitkan isu-isu berikut:

(1) Sama ada hak plaintif untuk hidup telah ditolak oleh defendan mengikut peruntukan undang-undang?

(2) Sama ada pemecatan plaintif dari perkhidmatan awam dibuat setelah diberi hak untuk didengar?

[6] Alasan-alasan berikut dikemukakan oleh plaintif:

(1) Kegagalan defendan untuk mematuhi sepenuhnya per 16, 26, 28 dan 38 PPPA 1993. Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 seperti berikut:

(i) Tidak menggunakan perkataan 'menimbangkan' dalam surat bertarikh 12 Oktober 1994 (ms 12 ikatan AB);

(ii) gagal mematuhi per 28 PPPA 1993 iaitu tidak menggunakan keseluruhan perkataan-perkataan dalam per 28 dengan tepat dalam surat bertarikh 12 Oktober 1994 (ms 12 ikatan AB);

(iii) gagal menimbangkan jenis kesalahan tersebut adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat seperti dalam surat bertarikh 12 Oktober 1994;

(iv) gagal mematuhi per 38 PPPA 1993 iaitu tidak menggunakan perkataan 'seriusnya kesalahan itu' dalam surat bertarikh 18Januari 1995 (ms 2 ikatan AB);

(v) gagal mematuhi per 16 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 iaitu tidak menggunakan perkataan 'hendaklah memutuskan semata-mata atas merit alasan rayuan'.

(2) Laporan yang diterima oleh Lembaga Tatatertib tidak dibekalkan atau diberitahu isinya kepada plaintif;

(3) Surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam adalah berlawanan dengan Akta Imigresen 1959/63; dan

(4) Hukuman tidak setimpal dengan kesalahan dan niat pihak Lembaga Tatatertib adalah memang untuk membuang kerja semata- mata.

[7] Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan di sini surat-surat yang dipertikaikan oleh plaintif bertarikh 12 Oktober 1994 dan 18 Januari 1995

Surat Bertarikh 12 Oktober 1994

KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA,
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, BLOK 1,
JALAN DAMANSUTRA
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50550 KUALA LUMPUR

Encik Krishnan A/L Sinniah KP No: 7690192
Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam,
Changloon,
KEDAH DARULAMAN.

Tarikh: 7 JamadilAwal 1415
12 Oktober 1994

Melalui dan Salinan:

Pengarah Imigresen Negeri,
Pejabat Imigresen Negeri Kedah,
Tingkat 2, Wisma Persekutuan,
Jalan Kampong Baru,
05000 Alor Setar,
KEDAH DARULAMAN.

(U/P: Tn Hj Md Saad B Mehamad)

Tuan,

KENYATAAN ALASAN-ALASAN BUANG KERJA ATAU TURUN PANGKAT

Saya diarah memaklumkan bahawa berikutan dengan laporan yang diterima maka Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1), Jabatan Imigresen Malaysia sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat terhadap tuan dibawah Peraturan 28 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atas pertuduhan berikut:

PERTUDUHAN

Bahawa tuan, Encik Krishnan A/L Sinniah (KP No 7690192) semasa bertugas sebagai Pegawai Imigresen KP8 di Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam, Changloon, Kedah Darulaman pada 24 Mei 1992 telah memberi cop masuk kepada Pasport tiga orang rakyat Pakistan, tiga orang rakyat Myanmar dan tiga orang rakyat Nepal tanpa kehadiran mereka dan pada 3 Jun 1992 tuan telah membenarkan kemasukan 16 orang rakyat Bangladesh dengan mengecop Pasport mereka tanpa mengikut Peraturan yang telah ditetapkan iaitu surat Bil (19) IMI/BKH/1/86 bertarikh 1 Disember 1991. Perbuatan tuan sedemikian telah melakukan kesalahan yang boleh diertikan sebagai 'tidak bertanggungjawab' dan 'ingkar perintah' menurut Peraturan 4(2)(g) dan 4(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan boleh dikenakan hukuman di bawah Peraturan 38 Peraturan yang sama.

2 Mengikut kehendak Peraturan 28(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 tuan adalah diminta mengemukakan representasi secara bertulis yang mengandungi alasan-alasan sebagai pembelaan diri mengapa tindakan tatatertib buang kerja atau turun pangkat tidak boleh dikenakan terhadap tuan sekarang.

3 Representasi alasan-alasan pembelaan diri tuan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi, Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1), Jabatan Imigresen Malaysia dalam tempoh dua puluh satu (21) hari daripada tarikh tuan menerima surat ini. Sekiranya tuan tidak memberi jawapan dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, tuan akan dianggap sebagai tidak hendak mengemukakan sebarang pembelaan diri dan perkara ini akan diputuskan atas keterangan-keterangan yang ada sekarang ini sahaja.

4 Sila akui penerimaan surat ini dengan menggunakan borang Akuan Penerimaan Surat seperti di Lampiran 'A' dan kembalikan semula ke Pejabat ini melalui Ketua Jabatan tuan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

(MOHD ZAKRI BIN ABDUL RASHID)
Pengerusi,
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (N 1),
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

Surat Bertarikh 18 Januari 1995

KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA,
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, BLOK 1,
JALAN DAMANSUTRA
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50550 KUALA LUMPUR

Encik Krishnan A/L Sinniah KP No: 7690192 Tarikh: 16 Syaaban 1415
Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam, 18 Januari 1995
Changloon,
KEDAH DARULAMAN.

Melalui dan Salinan:

Pengarah Imigresen Negeri,
Pejabat Imigresen Negeri Kedah,
Tingkat 2, Wisma Persekutuan,
Jalan Kampong Baru,
05000 Alor Setar,
KEDAH DARULAMAN.

(U/P: Tn Hj Md Saad B Mehamad)

Tuan,

Keputusan Lembaga Tatatertib

Saya diarah merujuk kepada surat Lembaga Tatatertib ini IM(S) 101/6/3-269(76) bertarikh 12 Oktober 1994 meminta tuan mengemukakan representatsi secara bertulis mengandungi alasan-alasan untuk membebaskan diri tuan daripada tuduhan tatatertib dengan tujuan buang kerja di bawah Peraturan 28 Peraturan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Tuan telah mengemukakan representasi tersebut melalui surat tuan bertarikh 9 November 1994.

2 Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1) Jabatan Imigresen Malaysia dalam mesyuaratnya pada 5 Januari 1995 setelah menimbangkan dengan teliti kes tuan itu pada keseluruhannya telah memutuskan bahawa tuan bersalah dan tuan dikenakan hukuman Buang Kerja berkuat kuasa dengan serta merta iaitu mulai 5Januari 1995 mengikut Peraturan 38(g) Peraturan 28 Peraturan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

3 Sejajar dengan Peraturan 14 dan 15(1) Peraturan 28 Peraturan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 PU(A) 396 tuan adalah dengan ini diberi peluang untuk membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib melalui Ketua Jabatan tuan di dalam tempoh 14 (empat belas) hah mulai dari tarikh penerimaan surat keputusan Lembaga Tatatertib ini.

4 Sila akui penerimaan surat ini dengan menandatangani surat Akuan Terima yang dikepilkan bersama ini dan kembalikan semula ke pejabat ini melalui Ketua Jabatan tuan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(MOHAMED ZAKRI BIN ABDUL RASHID)
Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1)
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA.

[8] Dalam pembelaan, defendan menyatakan plaintif telah dibuang kerja secara sah dan ia di bawah bidang kuasa defendan-defendan sebagaimana diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. (PPPA 1993.)

[9] Dua pertuduhan telah dikemukakan terhadap plaintif melalui surat bertarikh 12 Oktober 1994. Plaintif mengemukakan representasi pembelaan terhadap kedua-dua tuduhan melalui surat bertarikh 9 November 1994. Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan No 1 Jabatan Imigresen telah meneliti representasi plaintif dan membuat keputusan bahawa plaintif dikenakan hukuman buang

kerja berkuat kuasa serta merta iaitu mulai 5 Januari 1995 menurut Peraturan 4(2)(i) PPPA (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

[10] Defendan berhujah bahawa:

(i) pemecatan kerja plaintif adalah sah dan menepati kehendak undang-undang;

(ii) defendan telah mematuhi prinsip keadilan semula jadi dalam proses pemecatan plaintif; dan

(iii) keputusan defendan adalah adil, saksama dan tidak berat sebelah.

[11] Saya berpendapat pemecatan plaintif telah dibuat mengikut undang-undang. Adalah tidak tepat untuk mengatakan hak plaintif untuk hidup telah ditolak oleh defendan berikutan pemecatan ini. Ini adalah kerana ia dibuat mengikut undang-undang. Saya tidak bersetuju dengan penghujahan pihak plaintif bahawa setiap orang termasuk plaintif diberi perlindungan sebegini oleh undang-undang seperti disebut di bawah per 5(1) Perlembagaan Persekutuan, yang berbunyi seperti berikut: (dalam bahasa asal).

> Article 5(1): No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law.

[12] Hak untuk hidup (per 5(1) Perlembagaan Persekutuan) kini diberikan pengertian yang lebih spesifik kepada hak-hak asasi seperti yang diperuntukkan di bawah perkara-perkara tertentu sahaja seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes *Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan* [2002] 3 MLJ 72 di halaman 101, Mohamed Dzaiddin HMP (ketika itu) menyatakan: (dalam bahasa asal).

> We note that neither in the instant case nor in *Tan Teck Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* did the Court of Appeal refer to *Loh Wai Kong* and we cannot understand why. Unfortunately, too, in the majority judgment of the Federal Court in *Rama Chandran*, although reference was made to the Court of Appeal decision of *Tan Teck Seng* and to art 5 in the context of the expression 'life', the reference was only a brief reference and we note, too, that *Loh Wai Kong* was not cited, let alone considered by the Federal Court in *Rama Chandran*.
>
> We therefore disagree with the Court of Appeal that the words 'personal liberty' should be generously interpreted to include all those facets that are an integral part of life itself and those matters which go to form the quality of life. We are of the view that other matters which go to form the quality of life has been similarly enshrined in Part II of the Federal Constitution under 'FUNDAMENTAL LIBERTIES' *viz*, protection against retrospective criminal laws and repeated trials (art 7); equality (art 8); freedom of speech, assembly and association (art 10); freedom of religion (art 11); rights in respect of education (art 12) and rights to property (art 13).

[13] Keputusan dalam kes *Sugumar* dengan ini membatalkan definisi 'life' yang diberikan dalam kes *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 1 MLJ 261 oleh Mahkamah Rayuan yang dijadikan otoriti oleh plaintif.

[14] Dalam kes bicara, plaintif mencabar penggunaan perkataan-perkataan yang dikatakan tidak tepat seperti terdapat dalam surat Lembaga Tatatertib kerana tidak mengikut secara verbatim peruntukan PPPA 1993. Dengan ini prosedur yang diikuti adalah tidak sah dan batal.

[15] Saya berpendapat, surat bertarikh 12 Oktober 1994 jelas menunjukkan maksud bahawa suatu pertimbangan telah dibuat oleh defendan untuk mengenakan hukuman buang kerja dan turun pangkat. Pada perenggan 1 surat tersebut menyebut bahawa *'... dengan laporan yang diterima ... telah membuat keputusan ...'* . Di sini adalah jelas bahawa sesuatu keputusan hanya akan dicapai setelah pertimbangan dibuat ke atas laporan yang diterima. Ini adalah sejajar dengan pendapat LC Vohrah HMT (ketika itu) dalam kes *Abdul Rahman bin Isa v Public Service Commission, Malaysia* [1991] 2 MLJ 240 di halaman 246 yang menyatakan: (dalam bahasa asal).

> What that paragraph states is that the respondent as a result of a report it had received had decided as the Disciplinary Authority concerned to take disciplinary action against the applicant with a view to dismissal under GO 26. What has to be emphasised is the fact that the action was being taken only with a view to dismissal under GO 26 which specifically lays down the procedure. That statement is then followed by the charge. It can only mean what it says and cannot be read as indicating that the respondent had already made up its mind to dismiss him without first considering his representation. It is clear from the provisions of this general order that a prime facie case has first to be made out from information it has received before an officer is called upon to answer the charge by way of a written representation.

[16] Apa yang dicabar hanyalah bentuk susunan ayat dan tidak melibatkan perkara pokok. Malahan keputusan defendan untuk mengenakan hukuman buang kerja dengan terangnya menunjukkan 'seriusnya kesalahan itu' tanpa perlu diperjelaskan lagi.

[17] Berkaitan keperluan memberikan laporan kepada plaintif, rujuk kes *Othman bin Hamzah v Disciplinary Board, JPJ Malaysia & Ors* [2003] MLJU 52, di mana mahkamah telah memutuskan tiada keperluan di bawah PPPA 1993 yang menghendaki sesuatu laporan dikemukakan kepada pegawai awam untuk tindakan tatatertib. Begitu juga kes *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/l K Perumal* [2001] 2 MLJ 417 Mahkamah Persekutuan, yang dinyatakan sebagai otoriti keperluan membekalkan laporan kepada plaintif sebelum memutuskan untuk mengambil tindakan, tidak memihak kepada plaintif. Tiada disebut dalam kes *Utra Badi* tersebut dimana juapun berkaitan kegagalan membekalkan laporan menjejaskan presiding terhadap responden. Dalam perenggan berkaitan, Mahkamah Persekutuan merujuk kepada kes *B Surinder Singh Kanda v The Government of The Federation of Malaya* [1962] MLJ 169 berkaitan persoalan samada per 135(2) Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada responden untuk membuat rayuan diringankan hukuman sebelum apa-apa hukuman dijatuhkan. (Sila lihat halaman 542

perenggan b dan c kes *Utra Badi*). Jadi jelas sekali konteks rujukan adalah berbeza dengan konteks penghujahan defendan. Lagipun prosedur dalam kes *Surinder Singh* dalah berbeza dengan kes kita di sini. Dalam kes tersebut, asastuntutan adalah terdapat pencerobohan terhadap peruntukan per (2) Perlembagaan kerana paintif mendakwa beliau dipecat tanpa diberikan peluang munasabah untuk didengar (a) sebelum sabitan, dan (b) selepas sabitan dan sebelum hukuman. Telah diputuskan dalam kes *Utra Badi* ahawa kegagalan untuk mengadakan perbicaraan lisan terhadap pegawai awam tidak boleh dikatakan sebagai penafian keadilan semula jadi. Begitu juga, tidak dinyatakan keperluan untuk membekalkan laporan atau kenyataan saksi-saksi kepada pegawai awam sebelum tindakan diambil ke atas beliau untuk membolehkan beliau menangkis keterangan dalam laporan. Memandangkan Perintah-Perintah Am mempunyai kesan legislatif, mahkamah tidak boleh memandai menambah peruntukan yang tidak ada di dalamnya. (Sila lihat kes *Utra Badi* dan kes *Othman bin Hamzah*.)

[18] Berdasarkan per 28 PPPA 1993, prosedur yang perlu dipatuhi oleh defendan ialah:

(i) Meneliti laporan yang mengandungi segala maklumat yang ada yang dikemukakan kepadanya.

(ii) Sekiranya berdasarkan laporan tersebut, terdapat satu kes *prima facie* untuk dibuang kerja atau turun pangkat, defendan perlu mengemukakan surat tunjuk sebab kepada plaintif.

(iii) Kandungan penting surat tunjuk sebab ialah fakta-fakta perlanggaran tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh pegawai itu dan apa-apa alasan yang dicadangkan berdasarkannya pegawai itu hendak dibuang kerja atau diturunkan pangkat.

[19] Manakala dalam kes *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/l K Perumal* Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa seseorang hanya boleh dibuang kerja selepas dia telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar. Sebagaimana dijelaskan lebih awal, surat tunjuk sebab telah dikeluarkan kepada plaintif dalam kes ini. Didalam surat tersebut dinyatakan sekali bentuk hukuman yang akan dikenakan. Pertuduhan dan fakta telah dinyatakan dengan jelas dalam surat tersebut. Jelas sekali dari representasi yang dibuat, plaintif berpeluang menjawab tuduhan yang dikenakan kepada beliau. Saya berpuas hati bahawa peruntukan ini telah dipatuhi.

[20] Bersabit dengan isu surat pekeliling yang dikatakan bertentangan dengan Akta Imigresen dan Ketua Pos Imigresen Bukit Kayu Hitam tidak mempunyai kuasa mengeluarkannya, saya dapati tiada permohonan daripada plaintif dalam pliding untuk perisytiharan sedemikian. Saya juga berpendapat mahkamah tiada mempunyai kuasa untuk menyemak merit kes. Sandaran dibuat kepada kes *Petroliam Nasional Bhd v Nik Ramli Nik Hassan* [2004] 2 MLJ 288 oleh plaintif bagi menyemak merit kes. Saya berpendapat, kes tersebut adalah berbeza dengan kes ini. Dalam kes tersebut, bidang kuasa mahkamah adalah

untuk menyemak suatu keputusan dari Mahkamah Perusahaan di mana suatu presiding pembuangan kerja telah diputuskan dengan melihat merit kes. Dalam kes bicara, ia tidak melibatkan Mahkamah Perusahaan, sebaliknya Lembaga Tatatertib. Apabila tatacara yang diikuti adalah teratur, ia memenuhi keperluan per 135(2). (Sila lihat kes *Utra Badi*.)

[21] Berdasarkan rekod yang ada nyata kesalahan yang dilakukan oleh plaintif amat serius. Berhubung dengan kewajaran hukuman berbanding kesalahan yang dilakukan, saya bersandar kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 MLJ 153 seperti berikut:

> Sesebuah mahkamah mengganggu hanya atas jenis dan cara tuduhan terhadap seorang pegawai awam berbeza daripada hukuman berbangkit. Mahkamah tidak patut mengganti pandangan sendiri berhubung dengan penalti yang wajar untuk salah laku pekerja, dan sama ada hukuman haruslah merupakan pemecatan atau penalti yang lebih ringan seperti penurunan pangkat tidak terbuka kepada penentuan oleh mahkamah. Sesebuah majikan, termasuk kerajaan, adalah orang yang paling baik untuk menghakimi keseriusan salah laku seseorang pekerja.

[22] Dalam kes yang sama, Peh Swee Chin HMP di halaman 159 dengan jelas menyatakan prinsip bila mana kewajaran mahkamah campur tangan dalam hukuman yang dikenakan oleh pihak administratif. Katanya (dalam bahasa asal):

> It cannot be denied further that the disciplining of a public officer by his department head is part of the function of the executive branch of the government and any usurpation by a court will be viewed with something very much more than disfavour even though the judiciary is the judicial branch of the government as well as an institution which belongs to the people. To repeat, a court intervenes only on the nature and manner of accusation against a public officer as distinct from a consequential punishment as explained above.

[23] Justeru itu tidak wajar bagi saya mencampuri bidang tugas pihak Lembaga Tatatertib.

[24] Alasan yang saya nyatakan di atas adalah hasil dari penelitian dan pertimbangan ke atas keterangan dan dokumen-dokumen serta dibantu oleh penghujahan bertulis dengan otoriti-otoriti masing-masing daripada kedua-dua pihak. Oleh yang demikian, saya menolak permohonan plaintif melalui Lampiran 1 dengan kos kerana saya berpuas hati pemecatan kerja plaintif adalah sah dan menepati kehendak undang-undang, defendan telah mematuhi prinsip keadilan semula jadi dalam proses pemecatan plaintif dan keputusan defendan adalah adil, saksama dan tidak berat sebelah.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh AG Kalidas